

Muhyiddin mahu Anwar jelaskan kenyataannya tentang Israel
The Malaysian Insider
28 Januari , 2012
Oleh Mohd Farhan Darwis

MUAR, 28 Jan — Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta Datuk Seri Anwar Ibrahim tampil memberi penjelasan tentang komitmennya untuk mempertahankan Israel ketika ditemuramah oleh akhbar Wall Street Journal (WSJ).

Timbalan Perdana Menteri (gambar) bertanyakan sama ada kenyataan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu bermakna beliau (Anwar) mementingkan Israel dan meniadakan hak rakyat Palestin yang ditindas oleh rejim Yahudi itu, lapor Bernama Online.

“Adakah dia (Anwar) lebih mengutamakan Yahudi dan Israel daripada Palestin?” katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Kampung Kebun Baru, Jementah.

“Adakah ini pendirian sebenar Pakatan Rakyat, sedangkan kerajaan tidak mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel,” dipetik Bernama Online.

Muhyiddin, yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata masyarakat Palestin ketika ini dianggap sebagai rakyat terbuang, tanpa mempunyai tempat tinggal dan pada masa sama berhadapan dengan kezaliman tentera Israel.

Muhyiddin ditanya tentang kenyataan pemimpin pembangkang itu ketika ditemuramah oleh WSJ semalam, di mana Anwar secara terbuka menyatakan ia akan mempertahankan keselamatan Israel.

“Barisan Nasional berasa amat kecewa (dengan kenyataan Anwar itu),” katanya.

Kerajaan, kata beliau, turut berasa amat kecewa dengan proses damai Israel dan Palestin yang telah berlangsung lama tetapi sehingga kini gagal mencapai objektifnya untuk mewujudkan perdamaian di antara kedua-dua pihak.

Muhyiddin turut ditanya tentang pemberian RM500 menerusi Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan berharap mereka yang masih belum menerima bantuan terbabit supaya dapat bersabar.

Beliau berkata mereka yang ditolak permohonan untuk mendapatkan BR1M juga masih berpeluang menerimanya dan boleh merayu kepada agensi-agensi kerajaan yang mengendalikan pemberian bantuan itu.

n-kenyataannya-tentang-israel/